

Newspaper	Berita Harian
Date	15/4/2013

Dr M bidas tindakan PAS

» Lantik dua bukan Islam dari DHPP tanding PRU-13

Oleh Nahar Tajri
nahar@mediaprima.com.my

Jitra

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam membidas tindakan hipokrit PAS meletakkan dua calon bukan Islam mewakili parti mereka dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) sedangkan parti itu sebelum ini pernah mengkafirkan UMNO hanya semata-mata berkawan dengan bukan Islam.

Beliau berkata, PAS kini sudah boleh menerima bukan Islam menjadi pemimpin mereka sedangkan dulu mereka mengecam UMNO atas nama Barisan Nasional (BN) kerana berkawan dengan MCA dan MIC walaupun parti itu bersetuju dengan perjuangan UMNO menegakkan Islam dan mengangkat martabat Melayu.

Terima DAP

Dr Mahathir berkata, PAS kini menerima DAP sebagai rakan



Dr Mahathir disambut penduduk Kubang Pasu ketika melawat bilik gerakan PDM UMNO Cawangan Lubuk Kawah, Jitra, semalam. [FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]



politik walaupun pemimpin parti itu terang-terangan menolak Islam dengan kenyataan keras mereka sebelum ini.

“Saya tidak hairan dengan sikap (PAS), dulu mereka kafirkan kita (UMNO) kerana berkawan dengan bukan Islam iaitu MCA dan MIC... mereka kata ini tak betul.

“Hari ini, mereka ubah kerana percaturan politik me-

reka berkawan pula dengan DAP walaupun DAP sering kecam penubuhan negara Islam.

“Mereka kini bukan setakat sanggup terima DAP, bahkan lantik pula bukan Islam dari Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) untuk bertanding PRU-13,” katanya selepas melawat bilik gerakan Pusat Daerah Mengundi (PDM) UMNO Cawangan Lubuk Kawah, di sini, semalam.

PAS Johor sebelum ini mengumumkan dua calon bukan Melayu daripada anggota DHPP untuk bertanding mewakili parti itu pada PRU-13.

Pengerusi DHPP, Hu Pang Chaw dicalonkan di kawasan Parlimen Ayer Hitam, manakala R Kumutha yang pada PRU 2008 bertanding menggunakan lambang PKR, dicalonkan di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tiram.